

HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAPAAN DENGAN PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

*(Relationship between Parenting Style and Self-esteem
among Secondary School Students)*

Norsalina Alias,¹ Nor Akmar Nordin² & Haslinda Hashim³

¹ Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi, Universiti
Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor. E-mel:

norsalina.alias@graduate.utm.my.

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru, Johor.

E-mel: akmar.nordin@utm.my.

³ Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah, 26300 Kuantan, Pahang.

E-mel: haslinda@umpsa.edu.my.

ABSTRAK

Penghargaan sendiri merupakan elemen penting dalam pembangunan manusia terutama dari segi mental, emosi dan sosial. Gaya keibubapaan memainkan peranan penting dalam membentuk penghargaan sendiri pelajar. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan dan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak mudah dan seramai 123 orang pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di sebuah sekolah menengah di daerah Mersing, Johor sebagai responden kajian ini. Instrumen kajian telah diadaptasi daripada Soalan Pihak Berkuasa Ibu Bapa (PAQ) dan 'Rosenberg Self-Esteem Scale' (RSES). Data yang diterima dianalisis menggunakan 'Statistical Package for Social Science' (SPSS) Versi 23 untuk mendapatkan maklumat analisis deskriptif

dan inferensi. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan ($r = 0.404$, $p < 0.01$) antara gaya keibubapaan autoritatif dengan penghargaan sendiri pelajar. Sebaliknya, gaya keibubapaan autoritarian dan permisif tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri dalam kalangan responden kajian. Sehubungan itu, hasil kajian ini dapat memberi input yang berguna kepada ibu bapa berkaitan gaya keibubapaan yang sesuai untuk diamalkan. Kerajaan juga digalakkan mewujudkan program kemahiran keibubapaan bagi menambah baik gaya keibubapaan dalam membesarkan dan mendidik anak-anak. Selain itu, pihak sekolah boleh membantu merangka intervensi yang bersesuaian bagi meningkatkan lagi tahap penghargaan sendiri dalam kalangan murid dengan kerjasama ibu bapa.

Kata kunci: Penghargaan sendiri, gaya keibubapaan, pelajar sekolah menengah

ABSTRACT

Self-esteem is an important element in human development, especially in mental, emotional and social terms. Parenting style plays an important role in shaping self-esteem in students. The main purpose of this study is to identify the relationship between parenting style and self-esteem among secondary school students. The researcher used a simple random sampling method and a total of 123 Forms 4 and 5 students in a secondary school in the district of Mersing, Johor, as respondents in this study. The study instruments were adapted from the Parental Authority Question (PAQ) and the Rosenberg Self-Esteem Scale (RSES). The data received were analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 23 to obtain information on descriptive and inferential analysis. The results of Pearson correlation analysis showed that there was a positive and significant relationship ($r = 0.404$, $p < 0.01$) between authoritative parenting style with students' self-esteem. On the other hand, authoritarian and permissive parenting styles showed no significant

relationship between parenting style and self-esteem among the study respondents. Accordingly, the results of this study can provide useful input to parents regarding the appropriate parenting style to be practised. The government is also encouraged to create a parenting skills program to improve parenting style in raising and educating children. Apart from that, the school can help to design appropriate interventions to further increase the level of self-esteem among students with the cooperation of parents.

Keywords: *Self-esteem, parenting style, high school students*

PENGENALAN

Penghargaan sendiri ialah perkara penting yang sering kali dibincangkan oleh golongan penyelidik. Pada tahun 1890, Penghargaan sendiri mula dikaji dalam menentukan kesejahteraan hidup manusia dalam aspek perkembangan manusia seperti mental, emosi dan sosial (Sulaiman, 2013). William James merupakan ahli psikologi pertama yang menulis tentang penghargaan sendiri dalam penyelidikan psikologi sosialnya. William James mendefinisikan penghargaan sendiri sebagai penilaian oleh individu terhadap dirinya yang merangkumi aspek-aspek seperti tubuh badan, kognitif, persekitaran, tempat kediaman, ahli keluarga, rakan-rakan dan semua perkara yang berkaitan dengan dirinya (Nawi, Din & Ahmad, 2019). Walaubagaimanapun, penilaian terhadap diri sendiri bukan perkara utama yang diberi keutamaan bahkan individu turut mengambil kira penilaian dan pandangan individu lain terhadap dirinya (Bosson, 2013). Menurut Bosson (2013) penilaian oleh individu terhadap dirinya terbahagi kepada dua mekanisme yang berhubung kait iaitu membandingkan kebolehan serta kemampuan diri dan proses menilai diri sendiri berdasarkan interaksi dan hubungannya dengan individu lain.

Pada tahun 1965, Rosenberg telah menjalankan penyelidikan berkaitan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajarinya. Rosenberg mendefinisikan penghargaan sendiri sebagai penilaian

yang berbentuk positif atau negatif individu terhadap dirinya. Rosenberg (1965) turut memberi satu kenyataan bahawa penghargaan sendiri adalah satu aspek penting yang menjadi keutamaan yang perlu ditekankan dan perlu wujud dalam diri individu tanpa mengira taraf pendidikan, usia, jantina, latar belakang budaya dan jenis pekerjaan. Penghargaan sendiri merangkumi penilaian subjektif seseorang terhadap nilai-nilai yang ada pada dirinya sama ada nilai tersebut adalah positif dan negatif. Semakin tinggi penghargaan sendiri seseorang itu, maka semakin tinggilah individu itu akan menghormati dirinya (Lastar & Asui, 2016).

Individu dengan penghargaan sendiri yang positif akan lebih melahirkan perasaan bahagia terhadap dirinya dalam pelbagai aspek termasuk keterampilan diri, berilmu pengetahuan dan hubungan interpersonal yang baik sesama manusia. Menurut Nawi, Redzuan dan Hamsan (2016) penghargaan sendiri ialah suatu perasaan dan keperluan semula jadi terhadap keinginan untuk dihormati, diterima oleh rakan sebaya dan komuniti, pujian dan sanjungan daripada rakan serta orang di sekelilingnya. Rasa keinginan ini wajar direalisasikan oleh golongan pelajar kerana ia merupakan elemen yang dapat membantu pelajar yang berada dalam proses dapat membentuk identiti diri mereka yang sebenarnya. Coopersmith (1967) menyatakan terdapat empat aspek penting dalam penghargaan sendiri iaitu kecekapan, penerimaan sosial, perasaan terkawal dan perasaan moral diri.

Penghargaan terhadap diri sendiri dan penghargaan daripada orang lain merupakan dua aspek utama yang boleh mempengaruhi penilaian sama ada berbentuk positif atau negatif. Penghargaan terhadap diri sendiri yang tinggi atau positif dikaitkan dengan keyakinan yang tinggi, bangga terhadap keupayaan dan kebolehan diri (Chowdhury et al., 2021). Sebaliknya, penghargaan terhadap diri sendiri yang rendah akan menyebabkan ketidakupayaan individu untuk menghadapi kesulitan serta memiliki perasaan rendah diri terutamanya apabila berhadapan dengan orang lain (Er & Zakaria, 2017).

Penekanan berkaitan penghargaan kendiri ini sering dikaitkan dengan golongan pelajar, kerana pelajar diklafikasikan sebagai golongan pemangkin masa depan negara. Oleh yang demikian, dalam proses melahirkan dan memantapkan keperibadian pelajar sebagai pewaris pemimpin negara pada masa hadapan, maka pelbagai usaha perlu dilakukan termasuklah penerapan elemen penting yang dapat membentuk identiti mereka terutamanya penghargaan kendiri dalam diri pelajar (Fathi, Rohana & Amirnudin, 2010). Hal ini dapat juga dibuktikan bahawa Negara amat menitik beratkan usaha melahirkan generasi yang berwibawa. Misalnya, dalam bidang pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan potensi pelajar secara keseluruhan bagi melahirkan generasi pelajar yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, mempunyai akhlak dan sahsiah yang tinggi serta bertanggungjawab terhadap diri sendiri (Ismail, 2015).

Justeru, golongan pelajar harus memperoleh didikan yang berkualiti dan terbaik agar pembentukan penghargaan kendiri berada ditahap yang tinggi. Er dan Zakaria (2017) mendapati pelajar yang berkeyakinan tinggi terhadap dirinya adalah pelajar yang memiliki penghargaan kendiri yang positif. Pelajar juga lebih berani untuk kehadapan seperti menjawab pertanyaan guru, bertanyakan soalan secara aktif di dalam kelas dan kebiasaanya dikaitkan dengan pelajar yang memiliki keputusan akademik yang baik (Jafar & Hasan, 2016). Sehubungan dengan itu, amat penting untuk setiap pelajar memiliki tahap penghargaan kendiri yang tinggi kerana ianya dapat menjamin kehidupan yang lebih bermakna.

Yahaya, Ramli dan Wei (2013) menyatakan tingkah laku keibubapaan, sokongan dan penglibatan ibu bapa adalah antara elemen yang dapat menghubungkan pelajar dengan rantaian penghargaan kendiri dengan lebih efektif. Perkara ini demikian kerana proses pembangunan insan itu bermula dari rumah (Ismail, 2015). Walau bagaimanapun, faktor persekitaran turut mempengaruhi pembangunan pelajar dan gaya keibubapaan turut dikaitkan dengan proses membangunkan keyakinan dalam diri pelajar. Hashim dan Mat Min (2011) menegaskan bahawa, gaya

keibubapaan yang sewajarnya diamalkan dalam mendidik anak-anak mampu membentuk sokongan emosi yang diperlukan oleh mereka. Gaya keibubapaan turut mempengaruhi dan membentuk perilaku anak ke arah yang lebih positif terutamanya apabila berdepan dengan cabaran dan tekanan (Omar et al., 2012). Justeru, secara tidak langsung, anak-anak akan memiliki kemampuan untuk menangani masalah dan mempunyai keyakinan terhadap keupayaan diri sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa kepada pelajar sekolah menengah.
- Mengenal pasti tahap penghargaan sendiri pelajar sekolah menengah.
- Mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan dan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

KAJIAN LITERATUR

Gaya Keibubapaan

Baumrind (1971, 1991) telah menetapkan standard untuk menerangkan jenis gaya keibubapaan yang diamalkan melalui Model Gaya Keibubapaan Baumrind. Model ini menjadi rujukan terhadap gaya keibubapaan yang diterapkan dalam mendidikan anak-anak sehingga masa kini (Omar et al., 2012a). Secara amnya, gaya keibubapaan ialah kaedah asuhan yang diguna pakai oleh kebanyakan ibu bapa untuk mendidik dan membesarkan anak-anak mengikut kehendak dan acuan ibu bapa sepanjang proses penjagaan seperti perlakuan, tingkah laku, amalan dan standard yang ditetapkan untuk membesarkan anak-anak (Anuar et al., 2014). Terdapat empat model gaya keibubapaan yang dikembangkan oleh Baumrind iaitu autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian (Omar et al., 2012). Baumrind (1971, 1991) mengukur keempat gaya keibubapaan tersebut daripada

sudut kebertanggungjawaban ibu bapa dan permintaan ibu bapa terhadap anak-anak.

Kajian di Malaysia mendapati dapatan yang tidak konsisten terhadap gaya keibubapaan yang diamalkan. Penerapan gaya keibubapaan yang bersesuaian menunjukkan ibu bapa tersebut mampu menjalankan fungsi kekeluargaan yang memberangsangkan (Omar et al., 2012). Namun begitu, ideologi terhadap gaya keibubapaan yang diamalkan turut dipengaruhi oleh faktor demografi seperti budaya dan sejarah etnik (Teti et al. 2017; Roman et al. 2016). Hiang dan Faridah (2021) telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa murid etnik Iban, Sarawak. Seramai 225 responden daripada SMK St. Luke yang berusia di antara 14 sehingga 16 tahun telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Hasil analisis mendapati gaya keibubapaan jenis autoritatif ialah gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa murid Iban berbanding dengan gaya autoritarian dan permisif. Ini disebabkan oleh faktor demografi seperti pengaruh budaya, kepercayaan, tradisi dan sejarah etnik terhadap ideologi gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa masyarakat Iban yang lebih mengambil berat dan mementingkan didikan serta mengasuh kanak-kanak sejak kecil. Nazri, Bakar dan Rashed (2020) telah menjalankan kajian di dua buah sekolah menengah di negeri Perak untuk mengenal pasti apakah gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar. Seramai 104 orang pelajar yang berusia 16 tahun daripada kelas aliran sains telah terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah menjalankan kajian berdasarkan ciri-ciri responden tersebut ke atas pelajar di dua buah sekolah iaitu SMK Tambun (52 responden dan majoriti berbangsa Melayu) dan SMJK Yuk Choy (52 responden dan majoriti berbangsa Cina).

Faktor pengukur iaitu kawalan dan kebertanggungjawaban digunakan untuk menguji setiap gaya keibubapaan. Hasil analisis menunjukkan gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh kedua-dua ibu bapa pelajar adalah sama iaitu jenis autoritatif. Sifat demokratik ibu bapa dengan gaya ini telah melahirkan pelajar

yang bertanggungjawab, lebih berdikari, bijak mengawal tingkah laku serta memiliki pemikiran yang lebih positif.

Hasniza dan Noh (2011) telah menjalankan kajian untuk melihat persepsi anak-anak terhadap gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa mereka. Seramai 435 orang responden yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar sekolah menengah di negeri Terengganu yang berusia 16 tahun. Secara umumnya, hasil kajian mendapati gaya keibubapaan yang paling tinggi diamalkan oleh ibu bapa pelajar ialah jenis autoritativiti, manakala gaya keibubapaan permisif berada pada tahap rendah begitu juga dengan gaya keibubapaan jenis autoritarian.

Berbeza pula dengan kajian oleh Gopal (2015), terhadap hubungan gaya keibubapaan dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja di sekolah integriti. Seramai 220 responden telah dipilih daripada tiga buah sekolah integriti di dalam Malaysia. Hasil kajian mendapati gaya keibubapaan jenis permisif telah diamalkan oleh kebanyakan ibu bapa responden. Kajian ini membuktikan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa responden telah meningkatkan kecenderungan responden terhadap tingkah laku delinkuen. Kajian turut menunjukkan kekerapan tingkah laku delinkuen yang rendah adalah disebabkan oleh faktor gaya keibubapaan yang diamalkan daripada jenis autoritatif dan authoritarian.

Penghargaan Kendiri

Penghargaan sendiri ialah teras dalam diri manusia, seseorang yang memiliki penghargaan sendiri yang positif mampu berdaya saing dan berkeyakinan terhadap dirinya (Er & Zakaria, 2017). Rosenberg (1965) telah mencipta teori Rosenberg untuk mengukur dan menguji tahap penghargaan sendiri. Rosenberg (1965) menekankan tiga elemen penting yang dinilai oleh individu dalam penghargaan sendiri ialah penilaian tentang ciri-ciri fizikal, sosial dan prestasi. Penilaian penghargaan sendiri daripada aspek fizikal ialah penerimaan individu tersebut terhadap bentuk fizikal yang dimiliki, sekiranya individu melihat ciri-ciri fizikalnya sebagai memuaskan ia akan mendorong kepada peningkatan nilai penghargaan sendiri fizikalnya (Zahn et al., 2018). Sementara itu,

penilaian penghargaan kendiri dari aspek sosial adalah tanggapan individu terhadap perhubungan sosialnya.

Penghargaan kendiri dalam aspek sosial dikaitkan dengan kemampuan seseorang untuk melakukan tugas atau aktiviti bersosial seperti kemahiran berkomunikasi yang baik, hubungan interpersonal dan proses interaksi dengan orang lain (Garcia & Santiago, 2017). Penilaian penghargaan kendiri terhadap prestasi adalah penilaian terhadap kebolehan dalam melaksanakan tugas. Individu yang memiliki penghargaan kendiri yang tinggi terhadap prestasinya akan merasa yakin dan puas dengan kemampuan yang dimilikinya (Jiar & Muhammad, 2010).

Kajian lepas menunjukkan dapatan yang tidak konsisten mengenai perkembangan penghargaan kendiri pada peringkat umur (Orth, Erol & Luciano, 2018). Menurut pengkaji Barat, penghargaan kendiri seseorang itu dibentuk pada peringkat kanak-kanak (Feldman, 2018; Orth, Erol & Luciano, 2018) dan akan sentiasa meningkat tetapi akan menurun pada usia lewat tua (Orth, Erol & Luciano, 2018). Driscoll (2013) telah menjalankan kajian tinjauan dalam talian yang memfokuskan kepada perhubungan antara gaya keibubapaan dan penghargaan kendiri merentasi julat umur iaitu 6 tahun, 11 tahun, 14 tahun dan umur sekarang iaitu 18 hingga 23 tahun. Seramai 183 orang pelajar di California Selatan telah menjadi responden dalam kajian ini. Analisis ini menunjukkan bahawa tahap penghargaan kendiri pada empat peringkat umur adalah tidak sama. Hasil kajian mendapati kanak-kanak pada usia 6 tahun dan 11 tahun memiliki tahap penghargaan kendiri yang tinggi, namun pada usia 14 tahun tahap penghargaan kendiri adalah rendah, dan sewaktu umur sekarang (18 hingga 23 tahun), remaja memiliki tahap penghargaan kendiri yang sederhana. Kajian mendapati tahap penghargaan kendiri adalah paling rendah semasa remaja berumur 14 tahun secara amnya kerana mereka mengalami pengalaman yang sukar dan terdapat pelbagai perubahan yang berlaku dalam hidup mereka dari segi perkembangan fizikal, perhubungan dengan rakan dan orang lain di sekeliling mereka.

Mandal et al., (2020) telah menjalankan kajian bagi menentukan hubungan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri remaja yang mendapatkan rawatan di Hospital Kolej Timur India. Responden merupakan remaja yang hadir di klinik kesihatan remaja untuk mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan tertiary (PKT) untuk pelbagai masalah tidak termasuk penyakit kronik. Seramai 246 orang responden yang terlibat berumur 10 hingga 19 tahun telah dimasukkan ke dalam kajian ini selepas mendapat kebenaran ibu bapa dan persetujuan daripada remaja. Hasil kajian mendapati 44.4% responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi, 35.2% responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana dan 20.4% responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Kajian turut mendapati remaja yang menerima gaya keibubapaan autoritatif dikaitkan dengan remaja yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi.

Penghargaan sendiri yang rendah dipengaruhi oleh gaya keibubapaan yang salah boleh menimbulkan cabaran yang besar terhadap remaja. Garcia dan Santiago (2017) telah menjalankan kajian untuk mengetahui tahap penghargaan sendiri ke atas remaja miskin yang kurang bernasib baik. Seramai 66 orang responden dalam kajian ini dipilih daripada populasi 370 orang pelajar yang berusia 3 hingga 18 tahun dan telah mendaftar di Projek Pusat Pelajar Filipina iaitu institusi asuhan untuk membantu meningkatkan pembangunan nilai diri dan harga diri remaja. Responden terdiri daripada pelbagai peringkat akademik dari darjah tujuh hingga peringkat kolej. Hasil kajian mendapati majoriti tahap penghargaan sendiri responden (98%) adalah tinggi.

Diperhatikan bahawa majoriti remaja yang kurang bernasib baik mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Ini membuktikan bahawa di sebalik perjuangan yang telah mereka lalui dalam hidup disebabkan kemiskinan telah memotivasikan dan meningkatkan keupayaan diri mereka terhadap cabaran yang dihadapi. Walaupun ibu bapa responden mengawal responden atau tidak, responden mampu mengembangkan diri mereka dan beradaptasi dengan komuniti yang mereka tinggal. Pada peringkat

ini, bukan sahaja keluarga yang menyumbang terhadap keyakinan responden, malahan orang lain di sekeliling mereka seperti rakan, guru dan mentor mungkin menyumbang kepada tahap penghargaan sendiri yang tinggi dalam kalangan responden.

Hubungan Gaya Keibubapaan dengan Penghargaan Kendiri

Dapatan kajian yang berbeza mengenai hubungan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri sering menjadi persoalan para penyelidik terutamanya dikalangan pengkaji Barat dan tempatan (Hong et al., 2015). Pengkaji barat, Malik dan Zamir (2016) telah menjalankan kajian bagi menyiasat hubungan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri dalam konteks pelajar sekolah menengah. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka hubungan antara tiga gaya keibubapaan yang berbeza iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif terhadap tahap penghargaan sendiri pelajar. Seramai 60 responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar sekolah menengah di Islamabad. Dapatan kajian mendedahkan bahawa wujudnya korelasi positif antara ketiga-tiga gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri pelajar. Berdasarkan hasil kajian, ibu bapa dengan gaya keibubapaan autoritatif mempunyai korelasi positif dengan penghargaan sendiri pelajar pada tahap yang tinggi, manakala gaya keibubapaan autoritarian dan permisif turut mempunyai hubungan dengan penghargaan sendiri namun pada tahap yang rendah dalam kalangan pelajar.

Menurut Aremu et al., (2019) penghargaan sendiri yang lemah dalam kalangan remaja bakal menimbulkan cabaran yang besar, tambahan pula apabila dipengaruhi oleh gaya keibubapaan yang salah. Aremu et al., (2019) telah menjalankan kajian berkaitan hubungan di antara gaya keibubapaan dengan harga diri terhadap remaja sekolah menengah swasta dan awam terpilih di Nigeria. Pengkaji menetapkan kriteria yang perlu ada pada sampel adalah pelajar yang kini tinggal bersama ibu dan bapa kandung. Seramai 504 pelajar (209 lelaki dan 293 perempuan) telah terlibat dalam kajian ini sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi positif terhadap hubungan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri. Hasil analisis turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara

gaya keibubapaan jenis autoritatif terhadap pengaruh penghargaan sendiri yang dialami oleh remaja Nigeria.

Pengkaji tempatan Laster dan Asui (2016), dalam kajiannya untuk mengetahui hubungan di antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri terhadap 60 orang remaja di kawasan pedalaman Kota Kinabalu, Sabah. Responden kajian terdiri daripada 60 orang remaja yang berusia antara 12 hingga 18 tahun yang memiliki keseimbangan di antara aspek psikologi, fizikal, rohani, sosial dengan pandai membaca. Kajian ini dijalankan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah reka bentuk tinjauan untuk meneroka dan mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pengaruh gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri remaja. Hasil analisis mendapati gaya keibubapaan jenis authoritarian mempunyai korelasi yang kuat terhadap pembentukan penghargaan sendiri, etika dan moral ke atas remaja di pedalaman Sabah.

Namun begitu, berlainan sedikit dengan kajian yang di buat oleh Hong, Long dan Rabeatul, (2015), untuk mengenal pasti hubungan di antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri. Seramai 120 pelajar di sebuah universiti tempatan yang berusia di antara 20 hingga 22 tahun telah menjadi responden dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri dalam kalangan responden berdasarkan gaya keibubapaan jenis autoritatif dan permisif. Kajian turut membuktikan selain daripada gaya keibubapaan autoritatif, gaya keibubapaan jenis permisif turut menggalakan pengembangan harga diri yang positif dalam diri pelajar universiti. Malah, dapatan kajian mendapati gaya keibubapaan permisif merupakan gaya keibubapaan yang dominan digunakan oleh ibu bapa pelajar universiti. Ini demikian kerana pada usia ini ibu bapa mula memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap pelajar untuk membuat keputusan dan melakukan apa yang difikirkan terbaik untuk diri mereka.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji menggunakan kajian kuantitatif sepenuhnya untuk mengumpul dan menganalisis data kajian. Pengkaji memilih reka bentuk kajian keratan rentas untuk mengumpul data dan data hanya dikumpul sekali sahaja pada suatu masa menggunakan borang soal selidik yang akan diedarkan kepada responden kajian. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi soalan yang berkaitan dengan kedua-dua pemboleh ubah iaitu gaya keibubapaan dan penghargaan kendiri bagi memastikan persoalan kajian dan objektif terhadap hubungan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan kendiri pelajar dalam kalangan pelajar sekolah menengah dapat dicapai. Pemilihan reka bentuk ini bersesuaian dengan fokus kajian serta bertujuan meneroka persoalan kajian (Kumar, 2019).

Populasi, Sampel dan Teknik Persampelan

Populasi dalam kajian ini ialah pelajar tingkatan empat dan lima di sekolah menengah kluster kecemerlangan di daerah Mersing, Johor. Merujuk kepada data yang diperolehi daripada kaunselor di sekolah tersebut, terdapat seramai 186 orang pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di sekolah tersebut. Bilangan sampel yang digunakan adalah seramai 123 responden berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Pengkaji menggunakan teknik persampelan rawak mudah untuk memilih responden kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terbahagi kepada tiga bahagian utama: Bahagian A mengandungi maklumat demografi, Bahagian B, ialah instrumen *Parental Authority Question (PAQ)* yang dibangunkan oleh Baumrind (1991) dan mempunyai 30 item soalan yang akan mengukur gaya keibubapaan berdasarkan tiga dimensi gaya keibubapaan iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. PAQ dinilai menggunakan lima skala likert iaitu 1=Sangat tidak bersetuju, 2=Tidak bersetuju, 3=Tidak pasti, 4=Bersetuju dan 5=Sangat bersetuju. PAQ mempunyai kebolehpercayaan dan ketekalan dalaman yang tinggi dengan nilai *Alpha Cronbach*

antara 0.77 hingga 0.92 (Reitman et al., 2014). Manakala pada Bahagian C, instrumen *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSES) yang dibangunkan oleh Rosenberg (1965) dan mengandungi 10 item soalan untuk mengukur tahap penghargaan sendiri pelajar. RSES menggunakan skala likert empat mata iaitu: 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Setuju, dan 4=Sangat setuju. RSES merupakan instrumen uni-dimensi dan mempunyai kebolehpercayaan dan ketekalan dalaman yang tinggi dengan nilai *Alpha Cronbach* 0.93 (Westaway & Tsai, 2015).

Analisis Data

Pengkaji menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 23. Analisis deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai) dan inferensi (korelasi Person) akan digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Maklumat data yang diperoleh daripada soal selidik di bahagian B akan dianalisis untuk menguji pengamalan gaya keibubapaan berdasarkan tiga tahap iaitu rendah (1.00-2.33), sederhana (2.34-3.67) dan tinggi (3.68-5.00). Maklumat data di bahagian C akan dianalisis untuk menguji tahap penghargaan sendiri pelajar berdasarkan tiga tahap iaitu rendah (1.00-2.00), sederhana (2.01-3.00) dan tinggi (3.01-4.00). Seterusnya, bagi mengenal pasti hubungan di antara kedua-dua pembolehubah, nilai korelasi Person akan dilihat sama ada ianya menunjukkan hubungan yang signifikan ataupun tidak. Kekuatan hubungan korelasi akan dinilai berdasarkan julat koefisien korelasi (0.00-0.10) korelasi yang boleh diabaikan, (0.10-0.39) korelasi yang lemah, (0.40-0.69) korelasi sederhana, (0.70-0.89) korelasi yang kuat dan (0.90-1.00) korelasi sangat kuat (Schober & Schwarte, 2018). Jika nilai koefisien korelasi Pearson menghampiri 1.00, bermaksud hubungan adalah korelasi positif dan signifikan manakala, jika nilai koefisien korelasi Pearson yang diperoleh menghampiri dengan -1.00, maka hubungan adalah korelasi negatif dan signifikan (Vusvitasari et al., 2016).

DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi Responden

Majoriti jantina responden yang terlibat dalam kajian ini adalah perempuan (66.7%) dan selebihnya adalah lelaki (33.3%). Terdapat dua peringkat umur responden iaitu 16 tahun (34.1%) dan selebihnya (65.9%) berumur 17 tahun. Majoriti bangsa responden adalah Melayu (91.9%) diikuti oleh bangsa Cina (5.7%), India (1.6%) dan Bumiputera (0.8%). Majoriti responden (27.6%) mempunyai adik-beradik seramai tiga dan empat orang, (15.4%) mempunyai adik-beradik seramai dua orang, (14.6%) mempunyai adik beradik seramai lima orang, (8.1%) mempunyai adik-beradik seramai enam orang, (3.3%) merupakan anak tunggal, (1.6%) mempunyai tujuh orang adik-beradik dan (0.8%) mempunyai adik beradik seramai lapan dan tiga belas orang. Majoriti pekerjaan ibu responden ialah suri rumahtangga (44.7%), kakitangan kerajaan (36.6%), pekerja swasta (10.6%), bekerja sendiri (7.3%) dan (0.8%) ialah pesara. Manakala majoriti pekerjaan bapa responden adalah bekerja sendiri (39.0%), kakitangan kerajaan (28.7%), bekerja swasta (17.9%), pesara (4.9%) dan (9.8%) tidak mempunyai bapa. Manakala majoriti pendapatan isi rumah responden adalah kurang daripada RM2,500.00 (42.3%) dan minoriti pendapatan isi rumah responden adalah RM4,501.00 hingga RM5,500.00 (6.5%).

Jadual 13.1: Maklumat Demografi Responden

| Maklumat Demografi (<i>n</i>=123) | Kategori | Kekerapan (<i>f</i>) | Peratusan (%) |
|--|-----------------|---------------------------------|--------------------------|
| Jantina | Lelaki | 41 | 33.3 |
| | Perempuan | 82 | 66.7 |
| Umur | 16 Tahun | 42 | 34.1 |
| | 17 Tahun | 81 | 65.9 |
| Bangsa | Melayu | 113 | 91.9 |
| | Cina | 7 | 5.7 |
| | India | 2 | 1.6 |
| | Bumiputera | 1 | 0.8 |
| | lain | | |

Sustainable Development through Spiritual Empowerment:
Perspectives on Education

| Maklumat Demografi (n=123) | Kategori | Kekerapan (f) | Peratusan (%) |
|---------------------------------------|----------------------|----------------------------|--------------------------|
| Bilangan adik-beradik | Seorang | 4 | 3.3 |
| | 2 | 19 | 15.4 |
| | 3 | 34 | 27.6 |
| | 4 | 34 | 27.6 |
| | 5 | 18 | 14.6 |
| | 6 | 10 | 8.1 |
| | 7 | 2 | 1.6 |
| | 8 | 1 | 0.8 |
| Pekerjaan Ibu | 13 | 1 | 0.8 |
| | Pekerja kerajaan | 45 | 36.6 |
| | Pekerja swasta | 13 | 10.6 |
| | Bekerja sendiri | 9 | 7.3 |
| | Suri rumah | 55 | 44.7 |
| | Pesara | 1 | 0.8 |
| Pekerjaan Bapa | Pekerja kerajaan | 35 | 28.5 |
| | Pekerja swasta | 22 | 17.9 |
| | Bekerja sendiri | 48 | 39.0 |
| | Pesara | 6 | 4.9 |
| | Telah meninggal | 12 | 9.8 |
| | Pendapatan isi rumah | Kurang daripada RM2,500.00 | 52 |
| RM2,501.00 hingga RM3,500.00 | | 28 | 22.8 |
| RM3,501.00 hingga RM4,500.00 | | 12 | 9.8 |
| | | | |

Hubungan antara Gaya Keibubapaan dengan Penghargaan Kendiri dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

| Maklumat Demografi (n=123) | Kategori | Kekerapan (f) | Peratusan (%) |
|-----------------------------------|------------------------------|----------------------|----------------------|
| | RM4,501.00 hingga RM5,500.00 | 8 | 6.5 |
| | RM5,501.00 dan ke atas | 23 | 18.7 |
| <i>Jumlah Responden</i> | | 123 | 100 |

Gaya Keibubapaan yang Dominan Diamalkan oleh Ibu Bapa Pelajar

Objektif pertama untuk mengenal pasti gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa responden dapat dijelaskan berdasarkan jadual 13.2. Hasil analisis kajian mendapati ibu bapa responden mengamalkan ketiga-tiga gaya keibubapaan tersebut. Namun gaya keibubapaan yang lebih tinggi diamalkan oleh ibu bapa responden ialah autoritatif dengan ($\mu 3.91$, $sp=0.5963$). Gaya keibubapaan yang kedua ialah autoritarian dengan ($\mu 3.51$, $sp=0.5990$). Manakala gaya keibubapaan yang paling kurang diamalkan oleh ibu bapa responden ialah permisif dengan ($\mu 2.85$, $sp=0.5999$).

Jadual 13.2: Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Responden

| Gaya Keibubapaan (n=123) | Skor Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|--------------------------|----------|----------------|-----------|
| Autoritatif | 3.91 | 0.5963 | Tinggi |
| Autoritarian | 3.51 | 0.5990 | Sederhana |
| Permisif | 2.85 | 0.5999 | Rendah |

Tahap Penghargaan Kendiri

Objektif kedua kajian iaitu untuk mengenalpasti tahap penghargaan kendiri dikalangan responden dapat dijelaskan berdasarkan Jadual 13.3. Hasil kajian mendapati majoriti responden (65.04%) memiliki tahap penghargaan kendiri yang sederhana, (22.76%) memiliki tahap penghargaan kendiri yang tinggi manakala (12.19%) memiliki tahap penghargaan kendiri

yang rendah. Secara keseluruhannya, tahap penghargaan sendiri responden adalah pada tahap yang sederhana ($\mu=2.68$, $sp=0.51$). Ini menunjukkan bahawa bukan sahaja gaya keibubapaan yang menyumbang kepada peningkatan tahap penghargaan sendiri responden, sebaliknya faktor persekitaran lain turut mempengaruhi tahap penghargaan sendiri yang dialami oleh responden.

Jadual 13. 3: Tahap Penghargaan Kendiri Pelajar

| Tahap Penghargaan Kendiri (n=123) | Kekerapan (f) | Peratusan (%) |
|---|-------------------------------|------------------|
| Tinggi | 28 | 22.76 |
| Sederhana | 80 | 65.04 |
| Rendah | 15 | 12.19 |
| Keseluruhan | (Min=2.68, sp=0.51) Sederhana | |

Hubungan antara Gaya Keibubapaan dengan Penghargaan Kendiri

Objektif ketiga kajian adalah untuk mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri responden dapat dijelaskan berdasarkan Jadual 13.4. Keputusan analisis ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan terhadap penghargaan sendiri responden bagi gaya keibubapaan jenis autoritatif ($p < 0.01$, *one-tails*). Selain itu, gaya keibubapaan jenis permisif dan authoritarian menunjukkan pengaruh yang tidak signifikan terhadap penghargaan sendiri responden ($p > 0.01$, *one-tails*). Hasil kajian juga mendapati kekuatan hubungan gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan penghargaan sendiri adalah sederhana ($r=0.404^{**}$), manakala kekuatan hubungan gaya keibubapaan jenis permisif, $r=0.077$ adalah lemah. Hasil analisis turut menunjukkan bahawa kekuatan hubungan gaya keibubapaan authoritarian, $r=-0.062$ dengan penghargaan sendiri adalah negatif. Pengamalan gaya keibubapaan authoritarian yang tinggi akan memberikan kesan yang akan menurunkan penghargaan sendiri responden. Hubungan gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri

Jadual 13.4: Hubungan Gaya Keibubapaan dengan Penghargaan
Kendiri

| Gaya Keibubapaan (<i>n</i> =123) | Korelasi Pearson (<i>r</i>) | Penghargaan Kendiri | |
|---|-------------------------------------|---------------------------------|----------------------|
| | | Sig. (1-tailed) (<i>p</i>) | Kekuatan Hubungan |
| Autoritatif | 0.404** | 0.000 | Sederhana |
| Permisif | 0.077 | 0.199 | Lemah (positif) |
| Autoritarian | -0.062 | 0.248 | Lemah (negatif) |

* Nota: korelasi ialah signifikan pada tahap 0.01 one-tails

PERBINCANGAN, LIMITASI DAN CADANGAN

Perbincangan Gaya Keibubapaan yang Dominan Diamalkan oleh Ibu Bapa Pelajar

Dapatan kajian semasa mendedahkan bahawa gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa pelajar sekolah menengah ialah jenis autoritatif. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian daripada pengkaji tempatan (Hiang & Faridah, 2021; Nazri, Bakar dan Rashed, 2020; Hong et al., 2015; Hasniza & Noh, 2011) dan pengkaji Barat (Garcia & Santiago, 2017), mengenai gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh kebanyakan ibu bapa pelajar sekolah menengah ialah gaya keibubapaan jenis autoritatif. Hal ini demikian kerana gaya keibubapaan jenis autoritatif memiliki sikap yang perihatin, sentiasa berkomunikasi, sentiasa meluangkan masa, memberikan galakan serta sentiasa menawarkan pertolongan apabila diperlukan oleh anak-anak (Anuar et al., 2014). Hal ini juga dapat dikaitkan dengan dapatan analisis pada maklumat demografi yang diperolehi menunjukkan majoriti ibu responden tidak bekerja dan merupakan suri rumah sepenuh masa yang sentiasa ada apabila diperlukan oleh responden di rumah. Oleh itu, amat wajarlah gaya keibubapaan ini menjadi gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa responden.

Merujuk kepada Model Gaya Keibubapaan Baumrind (1971), beberapa standard telah ditetapkan dalam mendidik anak-anak iaitu berdasarkan tahap kebertanggungjawaban dan tahap permintaan ibu bapa terhadap anak-anaknya. Ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan jenis autoritatif ialah ibu bapa yang diklasifikasikan sebagai ibu bapa yang memiliki sikap kebertanggungjawaban dan permintaan yang tinggi terhadap anak-anak (Zakeri & Karimpour, 2011). Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini juga dapat dikaitkan dengan demografi responden iaitu sebagai pelajar di sekolah kluster kecemerlangan kerana gaya keibubapaan jenis autoritatif menyumbang kepada pencapaian yang tinggi dalam bidang akademik anak-anak (Attiya, et al. 2016).

Johan dan Nazeri (2008) menegaskan bahawa pelajar yang cemerlang menerima didikan daripada gaya keibubapaan jenis autoritatif kerana gaya keibubapaan ini dapat meningkatkan keupayaan untuk membina kecemerlangan sahsiah, akademik serta meningkatkan keyakinan diri anak. Berdasarkan hasil kajian semasa dan dapatan kajian lepas, dapatlah dikaitkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif yang diamalkan oleh ibu bapa responden adalah konsisten dengan ciri-ciri responden seperti umur dan memiliki kecemerlangan akademik.

Selain itu, hasil dapatan kajian semasa turut mendapati bahawa gaya permisif paling kurang diamalkan oleh ibu bapa responden. Ini disebabkan oleh gaya keibubapaan tersebut tidak sesuai diamalkan kerana ibu bapa dengan gaya ini tidak mengamalkan peraturan dalam keluarga (Anuar et al., 2014). Ibu bapa dengan gaya ini lebih terbuka dan tidak tradisional kerana mereka menganggap anak-anak adalah individu matang yang mempunyai hak untuk menentukan gaya hidup keputusan (Baumrind, 1991; Hairi Omar et al., 2012; Sulaiman, 2013). Kebiasaannya ibu bapa dengan gaya ini lebih cenderung diamalkan oleh ibu bapa di Barat, budaya ibu bapa di Malaysia lebih prihatin dan mengambil berat terhadap anak-anak dilihat sebagai gaya keibubapaan yang ideal untuk dipraktikan (Hiang & Kutty, 2021).

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini telah memperlihatkan kecenderungan ibu bapa responden terhadap gaya keibubapaan jenis autoritatif berbanding gaya keibubapaan yang lain. Maka, jelaslah bahawa gaya keibubapaan jenis autoritatif yang menekankan kebertanggungjawapan ibu bapa yang tinggi dan permintaan ibu bapa yang tinggi adalah lebih mendominasi untuk pelajar di sekolah kluster kecemerlangan berbanding dengan jenis gaya keibubapaan jenis autoritarian dan permisif.

Perbincangan Tahap Penghargaan Kendiri

Hasil kajian semasa mendapati tahap penghargaan kendiri dikalangan responden adalah sederhana. Hal ini dapat menjelaskan faktor responden memiliki tahap penghargaan kendiri yang sederhana secara keseluruhannya mungkin adalah disebabkan oleh keterbatasan dalam lingkungan sosial responden. Walaupun responden merupakan pelajar dari sekolah kluster kecemerlangan namun situasi semasa dan limitasi lingkungan sosial telah memberi kesan terhadap penghargaan kendiri responden. Garcia dan Santiago (2017), berpendapat interaksi dalam perhubungan sosial dinilai sebagai penghargaan kendiri yang tinggi sekiranya pelajar mendapati lingkungan sosialnya berjaya. Sebaliknya penghargaan kendiri yang rendah akan dinilai terhadap aspek sosialnya apabila pelajar merasa terbatas dalam lingkungan sosialnya.

Kenyataan ini turut disokong oleh Fadzil (2020), dalam kajiannya terhadap kesan wabak COVID-19 terhadap kehidupan seharian pelajar mendapati individu yang tinggal di rumah untuk tempoh masa yang lama boleh berdepan dengan tekanan. Tekanan yang dialami daripada gangguan belajar semasa di rumah, ketiadaan fasiliti dan kemudahan pembelajaran yang kondusif boleh memberikan implikasi terhadap keupayaan diri pelajar (Fadzil, 2020) maka impak pada akhirnya akan menyebabkan penghargaan kendiri yang sederhana dialami oleh mereka.

Menurut Fairuz dan Shahizan (2016), penghargaan kendiri mempunyai peramal yang kuat terhadap kepuasan hidup berbanding pemboleh ubah yang lain. Berdasarkan teori Hierarki

Keperluan Maslow, individu perlu melalui setiap peringkat dalam keperluan asas manusia seperti keperluan fisiologi dan psikologi manusia. Merujuk kepada teori tersebut, pelajar perlu melalui dan memenuhi setiap keperluan asas yang ada dalam hierarki terlebih seperti keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan keperluan penghargaan sendiri sebelum keperluan terhadap penyempurnaan diri dapat dipenuhi (Jiar & Muhammad, 2010). Keperluan penghargaan sendiri amat penting untuk menunjukkan bagaimana responden menilai dirinya. Sekiranya responden mempunyai persepsi terhadap penghargaan diri yang sederhana disebabkan oleh beberapa keperluan dalam Hierarki Keperluan Maslow yang tidak dapat dicapai sepenuhnya seperti keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang secara tidak langsung ia akan menyumbang kepada tahap penghargaan diri yang sederhana dialami oleh responden (Ganaprakasam, 2018).

Menurut Dilla Tria, Puji Lestari dan Airin (2018), penilaian penghargaan sendiri yang rendah diperkuatkan oleh tanggapan negatif remaja terhadap dirinya serta faktor perubahan sosio-ekonomi yang berlaku dalam keluarganya (Hiang & Kutty, 2021). Hal ini juga dapat dikaitkan dengan keadaan situasi semasa, keterbatasan lingkungan sosial dan faktor demografi responden seperti tinggal di kawasan luar bandar, majoriti ibu responden suri rumahtangga, bapa responden pula bekerja sendiri dan pendapatan isi rumah responden pendapatan garis kemiskinan mungkin boleh mempengaruhi penilaian terhadap penghargaan sendiri yang sederhana dalam kalangan responden.

Dapatan kajian semasa juga berbeza dengan dapatan kajian daripada pengkaji barat, Driscoll (2013) menyatakan tahap penghargaan sendiri adalah tidak statik dan akan meningkat dengan usia dari semasa ke semasa. Penghargaan sendiri turut berkembang apabila individu mencapai pontesi diri yang sebenar. Menurut Driscoll (2013) lagi tahap penghargaan sendiri adalah tinggi pada usia 18 hingga 23 tahun kerana pada usia tersebut remaja mula keluar daripada rumah dan mulai mendapat kebebasan, lebih matang dan mula membuat keputusan sendiri. Secara tidak langsung perubahan yang berlaku ini telah

meningkatkan penghargaan sendiri yang dialami oleh individu tersebut. Penghargaan sendiri turut digambarkan secara sederhana apabila penerimaan seseorang terhadap diri dan kehidupannya dinilai sebagai sederhana (Deshpande & Chhabriya, 2013).

Terdapat pelbagai faktor yang mampu mempengaruhi penghargaan sendiri selain daripada keluarga, terdapat juga pengalaman yang mampu merosakkan penghargaan sendiri sebagai contoh penilaian negatif yang berulang oleh orang lain. Pernyataan atau penilaian negatif oleh individu lain mampu menurunkan tahap penghargaan sendiri seseorang apabila ianya berlaku berulang kali. Ini adalah kerana, selain daripada penilaian oleh diri sendiri (Deshpande & Chhabriya, 2013), seseorang itu turut mengambil kira pandangan dan penilaian orang lain terhadap dirinya (Bosson, 2013). Justeru, pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi penurunannya atau meningkatnya tahap penghargaan sendiri seseorang itu bukan sahaja daripada konteks umur malahan situasi semasa yang dialami, persekitaran dan hubungan sosial yang lain juga boleh mempengaruhi tahap penghargaan sendiri seseorang individu termasuklah pelajar secara amnya.

Perbincangan Hubungan Gaya Keibubapaan dengan Penghargaan Kendiri

Hasil analisis kajian semasa mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan penghargaan sendiri responden. Hubungan positif menunjukkan semakin tinggi gaya keibubapaan yang diamalkan semakin tinggi tahap penghargaan diri yang dialami responden (Orth et al., 2018b). Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa model kerangka kajian yang digunakan dalam kajian ini bagi meramal tahap penghargaan sendiri responden berdasarkan Model Gaya Keibubapaan Baumrind (1991) dapat diaplikasikan dalam konteks pelajar sekolah menengah. Kajian oleh Omar et al., (2012) terhadap Model Gaya Keibubapaan Baumrind mendapati gaya keibubapaan Baumrind terbukti sebagai gaya keibubapaan yang boleh digeneralisasikan dan universal untuk diguna pakai dalam pendekatan untuk mendidik anak-anak di rumah sebagaimana yang dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas.

Kajian ini juga konsisten dengan dapatan daripada pengkaji tempatan (Zakeri dan Karimpour, 2011; Lastar & Asui, 2016; Aremu et al., 2019), dan hasil dapatan pengkaji barat (Malik & Zamir, 2016; Pinguart & Gerke, 2019) menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan penghargaan sendiri pelajar. Hasil kajian yang dijalankan juga, didapati menyokong penyelidikan umum berkaitan dengan hubungan di antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri remaja. Secara keseluruhannya, hasil kajian semasa telah membuktikan bahawa gaya keibubapaan jenis autoritatif berkolerasi positif secara signifikan dengan penghargaan sendiri responden.

Walaupun bagaimanapun, hasil kajian semasa sedikit berbeza dengan hasil dapatan kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji tempatan iaitu Hong, Long dan Rabeatul, (2015). Menurut Hong, Long dan Rabeatul, (2015) selain daripada gaya keibubapaan jenis autoritatif, gaya keibubapaan jenis permisif turut mempunyai hubungan yang positif dengan penghargaan sendiri serta menggalakkan pengembangan harga diri yang positif dalam diri pelajar universiti. Walaupun gaya keibubapaan permisif memiliki ciri-ciri yang cenderung untuk memanjakan anak, kurang kawalan dan tidak menetapkan peraturan yang harus diikuti oleh anak-anak (Baumrind, 1967; Dedy, 2018), namun menurut Hong, Long dan Rabeatul, (2015) gaya keibubapaan ini telah berjaya mewujudkan hubungan yang signifikan terhadap penghargaan sendiri pelajar universiti.

Hal ini disangkal oleh kajian semasa kerana jika dilihat dari faktor demografi responden kajian semasa dengan responden kajian lepas, terdapat perbezaan yang jelas dari segi umur dan persekitaran kedua-dua responden kajian. Pelajar universiti yang menjadi responden kajian lepas lebih bebas kerana jauh dari pemantauan ibu bapa dan mereka lebih berdikari semasa tinggal di kampus berbanding responden kajian semasa yang masih dibawah jagaan kedua ibu bapa. Maka, hal ini jelaslah bawa gaya keibubapaan jenis autoritatif sememangnya dikaitkan dengan

hubungan yang signifikan terhadap penghargaan kendiri responden sebagai pelajar sekolah menengah.

Selain itu, dapatan kajian semasa turut menunjukkan terdapat korelasi tetapi hubungan yang sangat lemah sehingga boleh diabaikan (Schober & Schwarte, 2018) bagi gaya keibubapaan jenis autoritarian dan permisif terhadap penghargaan kendiri responden. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Garcia dan Santiago, (2017) dan Pinguart dan Gerke (2019) mendapati tiada hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan jenis autoritarian terhadap penghargaan kendiri pelajar. Pengamalan gaya keibubapaan jenis autoritarian tidak sesuai untuk diamalkan. Hal ini demikian kerana ibu bapa jenis autoritarian mempunyai permintaan yang tinggi terhadap anak-anak (Omar et al., 2012). Ibu bapa dengan gaya ini sentiasa menetapkan peraturan dalam kehidupan anak-anaknya, malahan anak-anak perlu mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan tanpa mempersoalkan arahan dan undang-undang yang ditetapkan dalam keluarga (Abdul Jalil et al., 2017).

Walaupun gaya keibubapaan jenis autoritatif diinginkan oleh pelajar dan memberikan kesan signifikan terhadap penghargaan kendiri responden, namun hubungan itu berada pada tahap yang sederhana. Ini berkemungkinan bukan sahaja gaya keibubapaan yang menyumbang kepada penghargaan kendiri responden, sebaliknya faktor lain turut mempengaruhi hubungan dengan penghargaan kendiri responden (Jafar & Hasan, 2016). Kajian oleh Hiang dan Kutty (2021) mendapati terdapat faktor lain yang turut mempengaruhi penghargaan kendiri pelajar seperti faktor persekitaran, guru dan rakan sebaya yang boleh memberi kesan terhadap peningkatan atau rendahnya tahap penghargaan diri seseorang selain daripada gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar.

Limitasi Kajian

Semasa pengkaji menjalankan kajian, terdapat beberapa halangan atau limitasi dalam kajian ini. Antara limitasi yang dihadapi oleh pengkaji adalah daripada kaedah pengumpulan data yang digunakan. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif yang hanya memfokuskan kepada item soalan sebagaimana yang telah

dibangunkan. Keadaan tersebut mungkin akan menyebabkan data yang dikumpul adalah terhad. Pengkaji tidak berpeluang untuk memperolehi respon sebenar responden atau maklumat lain yang berkaitan dengan kajian menurut pandangan dan pengalaman responden terhadap isu yang dikaji dengan cara lebih mendalam.

Selain itu, pengkaji hanya mengambil kira populasi di sebuah sekolah di kawasan luar Bandar sahaja dan terhad kepada responden yang berumur 16 dan 17 tahun. Oleh itu, dapatan hasil kajian ini adalah terhad dan tidak dapat digeneralisasikan untuk mengenalpasti tahap penghargaan sendiri mengikut peringkat umur pelajar dan keseluruhan kawasan penempatan yang ada di Malaysia. Akhir sekali, kajian ini hanya meneroka hubungan di antara gaya keibubapaan dengan penghargaan sendiri dalam kalangan. Oleh itu, hasil kajian adalah terhad sedangkan terdapat faktor lain yang boleh mempengaruhi tahap penghargaan sendiri pelajar selain daripada faktor gaya keibuapaan.

Cadangan Kajian

Cadangan kepada pengkaji masa hadapan adalah untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah campuran iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi meningkatkan lagi hasil dapatan dan kefahaman terhadap isu yang dikaji. Pengkaji dimasa hadapan juga dicadangkan untuk mempelbagaikan kajian kepada kumpulan umur dan kawasan penempatan. Hal ini, bukan sahaja dapat mengenal pasti tahap penghargaan sendiri dengan lebih tepat berdasarkan peringkat umur pelajar malahan pengkaji di masa hadapan juga dapat meningkatkan kebolehgeneralisasian responden dan hasil penyelidikan yang lebih baik dan menyeluruh.

Selain itu, pengkaji juga disarankan untuk memperluaskan skop dengan mengkaji faktor lain selain selain daripada gaya keibubapaan seperti faktor, persekitaran, guru dan rakan sebaya juga menyumbang kepada tinggi atau rendahnya tahap penghargaan sendiri seseorang pelajar. Justeru, cadangan tersebut diharapkan dapat memberikan idea dan nilai tambah terhadap kajian yang sama pada masa hadapan.

RUMUSAN

Hasil kajian ini dapat memberikan input yang berguna kepada golongan ibu bapa berkaitan gaya keibubapaan yang sewajarnya untuk diamalkan. Pelaksanaan kajian ini amat penting kerana ianya dapat memberi manfaat dan panduan kepada ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak mengikut gaya keibubapaan yang sewajarnya. Gaya keibubapaan yang tidak sesuai bukan saja tidak diterima malahan meninggalkan kesan negatif terhadap penghargaan kendiri pelajar dan keseluruhan penilaian terhadap diri pelajar itu sendiri. Selain itu, hasil kajian ini juga telah membantu pihak sekolah mengenal pasti tahap penghargaan kendiri yang dialami oleh pelajar di sekolah tersebut. Walaupun pelajar di sekolah ini merupakan pelajar yang cemerlang, namun kenapa tahan penghargaan kendiri mereka adalah di tahap yang sederhana. Oleh itu amat penting penerapan tahap penghargaan kendiri yang tinggi dititikberatkan di sekolah bagi melahirkan pelajar yang berkualiti bukan sahaja cemerlang daripada segi akademik tetapi mempunyai daya keyakinan dan penghargaan kendiri yang tinggi.

Secara kesimpulannya, pengkaji telah berjaya menjawab ketiga-tiga objektif yang telah dikemukakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan jenis autoritatif adalah gaya yang dominan diamalkan oleh ibu bapa responden. Manakala tahap penghargaan kendiri yang dimiliki oleh responden adalah pada tahap yang sederhana. Seterusnya, kajian ini juga telah berjaya membuktikan wujudnya hubungan yang positif dan signifikan antara gaya keibubapaan jenis autoritatif dengan penghargaan kendiri pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa limitasi yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Pengkaji juga telah memberikan beberapa cadangan kepada pengkaji pada masa hadapan untuk menambahbaik kajian serta memperluas kajian yang akan dijalankan kelak.

RUJUKAN

- Abdul Jalil, S. J., Md Yusoff, Y., & Ismail, R. (2017). Pembinaan Konsep Kendiri dari Perspektif Barat dan Islam. *Journal of Usuluddin*, 45(1), 1–26. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol45no1.1>
- Aremu, T. A., John-Akinola, Y. O., & Desmennu, A. T. (2019). Relationship Between Parenting Styles and Adolescents' Self-Esteem. *International Quarterly of Community Health Education*, 39(2), 91–99. <https://doi.org/10.1177/0272684X18811023>
- Bosson, J. K. (2013). Assessing self-esteem via self-reports and nonreactive instruments: Issues and recommendations. In *Self-Esteem Issues and Answers: A Sourcebook of Current Perspectives*. <https://doi.org/10.4324/9780203759745>
- Dedy, A. (2018). *Pengaruh Gaya Keibubapaan Autoritatis dan Permisif Serta Kecerdasan Emosi Terhadap Resilient*.
- Deshpande, A., & Chhabriya, M. (2013). Parenting Styles and its Effects on Adolescents' Self-Esteem. *International Journal of Innovations in Engineering and Technology (IJIET)*, 2(4), 310–315.
- Driscoll, L. C. (2013). *Parenting Styles and Self-Esteem Styles and Self-Esteem*. 35.
- Er, L. X., & Zakaria, S. (2017). Meningkatkan Self-Esteem Murid Melalui Teknik Step By Step. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 267–274. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.610>
- Fadzil, F. Bin. (2020). *Kesan-Kesan Wabak COVID-19 Terhadap Kehidupan Sehari-hari Pelajar-Pelajar Universiti (diploma work)*. September.
- Febrina, D. T., Suharso, P. L., & Saleh, A. Y. (2018). Self-Esteem Remaja Awal: Temuan Baseline Dari Rencana Program Self-Instructional Training Kompetensi Diri. *Jurnal Psikologi Insight*, 2(1), 43–56. <https://doi.org/10.17509/insight.v2i1.11922>
- Ganaprakasam, C. (2018). *Kajian Literatur terhadap Teori Motivasi*. May. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.11711.20643>

- Garcia, Q. P., & Santiago, A. B. B. (2017). Parenting styles as sorrelates to self-esteem of underprivileged adolescents: basis for a proposed parenting skills program. *International Journal of Advanced Education and Research*, 2(5), 27–35.
- Gopal, L. a/l. (2015). Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan penghargaan kendiri dengan tingkah laku delinkuen remaja. *A*, 16(2), 39–55.
- Haikal Anuar, A., Fatimah, Y., & Mohamad Irwan, A. (2014). Gaya Keibubapaan Dan Hubungannya Dengan Kemurungan Dalam Kalangan Remaja. *Seminar Psikologi Malaysia Menjana Kesejahteraan Psikologi Insan, Disember*, 1–11. <https://doi.org/10.13140/2.1.1091.3607>
- Hairi Omar, N., Abdul Manaf, A., & Shazili Ayob, A. (2012a). Pengujian model gaya keibubapaan baumrind ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(1 (sp)), 105–120.
- Hairi Omar, N., Abdul Manaf, A., & Shazili Ayob, A. (2012b). Pengujian model gaya keibubapaan baumrind ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah (Testing baumrind's model of parenting styles on academic achievement among secondary school student). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 105–120.
- Hamidah Sulaiman. (2013). Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dalam Kalangan Remaja Sekolah. In *Tesis Ph. D.*
- Hashim, R., & Mat Min, R. (2011). Pelajar melanggar disiplin sekolah: Kaitan interaksi keluarga terhadap konsep kendiri. *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 14–30.
- Hasniza, C., & Noh, C. (2011). Hubungan empati dan penghargaan kendiri ibubapa dengan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(2001), 66–79.
- Hiang, L. A., & Kutty, F. M. (2021). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid Iban Di Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 183–192.
<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/135>

- Hj. Ismail, S. (2015). Pembangunan insan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83–100.
- Hong, O. S., Long, C. S., & Abdull Rahman, R. H. (2015). An analysis on the relationship between parenting styles and self esteem of students of a University in Malaysia: A case study. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4S3), 300–310. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n4s3p300>
- Jafar, M. F., & Hasan, S. (2016). Kajian penghargaan sendiri dan kepuasan hidup pelajar (A study of students' self-esteem and life satisfaction). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 2016.
- Jiar, Y., & Muhammad, Z. bin. (2010). Hubungan antara harga diri dengan pencapaian mata pelajaran kemahiran hidup pelajar sekolah menengah. *Unpublished*. <http://core.ac.uk/download/pdf/11785962.pdf>
- Lastar Ibrahim, A., & Asui, C. E. (2016). *Pengaruh gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri dalam kalangan remaja sabah*.
- Malik, M. A., & Zamir, S. (2016). *Relationship between Parenting styles and Self Esteem among Secondary School Students*. 54–59.
- Mandal, K., Manna, M., & Pattanayak, K. (2020). Self-esteem of Rural Adolescent Students and its Relationship with Parenting Style. *Journal of Nursing Science & Practice*, June, 0–6. <https://doi.org/10.37591/jonsp.v10i2.1961>
- Md. Johan, O., & Md. Nazeri, N. (2008). *Profil Gaya Didikan Ibu Bapa Pelajar Cemerlang Berbanding Pelajar Lemah*. 1971.
- Md. Nawawi, N. H., Din, A., & Megat Ahmad, P. H. (2019). Faktor situasi keluarga dan hubungannya dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah. *Borneo International Journal of Education (BIJE)*, 1(1991), 2710–2736. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/bije/article/view/1776>
- Mohd Fathi, B. A., Rohana, B. H., & Amirmudin, B. U. (2010). Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. *Seminar EduPress*, 1–16.

- Nawi, N. H., Redzuan, M., & Hamsan, H. (2016). Tujuan kajian adalah untuk mengkaji kesan pengaruh faktor situasi keluarga (kawalan, keprihatinan sosial, konflik keluarga) ke atas penghargaan kendiri pelajar bermasalah di sekolah sekitar kawasan pedalaman di Pantai Timur Sabah. Seramai 494 orang pelaja. *Journal Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 191–213.
- Nazri, N. F., Bakar Abu, N. A., & Rashed, N. Z. (2020). Hubungan Gaya Keibubapaan dan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah di Perak. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)*, November, 73–83. http://conference.kuis.edu.my/ispen/wp-content/uploads/2020/12/ISPEN20_09.pdf
- Orth, U., Erol, R. Y., & Luciano, E. C. (2018a). Development of self-esteem from age 4 to 94 Years: A meta-analysis of longitudinal studies. *Psychological Bulletin*, 144(10), 1045–1080. <https://doi.org/10.1037/bul0000161>
- Orth, U., Erol, R. Y., & Luciano, E. C. (2018b). *Development of Self-Esteem From Age 4 to 94 Years: A Meta-Analysis of Longitudinal Studies*. 1045–1080.
- Pinquart, M., & Gerke, D. C. (2019). Associations of parenting styles with self-esteem in children and adolescents: a meta-analysis. In *Journal of Child and Family Studies* (Vol. 28, Issue 8, pp. 2017–2035). Springer US. <https://doi.org/10.1007/s10826-019-01417-5>
- Reitman, D., Rhode, P. C., Hupp, S. D. A., & Altobello, C. (2014). *Development and Validation of the Parental Authority Questionnaire – Revised Development and Validation of the Parental Authority Questionnaire – Revised*. August. <https://doi.org/10.1023/A>
- Roy Chowdhury, S., Mandal, K., Das, S., Datta, K., & Datta, S. (2021). Study to determine the relationship between parenting style and adolescent self-esteem. *IP Journal of Paediatrics and Nursing Science*, 3(4), 112–117. <https://doi.org/10.18231/j.ijpns.2020.021>
- Schober, P., & Schwarte, L. A. (2018). Correlation coefficients: Appropriate use and interpretation. *Anesthesia and Analgesia*, 126(5), 1763–1768. <https://doi.org/10.1213/ANE.0000000000002864>

- Vusvitasari, R., Nugroho, S., & Akbar, S. (2016). Kajian Hubungan Koefisien Korelasi Pearson (ρ), Spearman-. *Journal Statistika*, 41–54.
- Westaway, M. S., & Tsai, J. (2015). *Investigating the Psychometric Properties of the Rosenberg Self-Esteem Scale for South African Residents of Greater Pretoria*. 38(2), 181–199. <https://doi.org/10.1177/0163278713504214>
- Yahaya, A., Ramli, J., & Wei, M. L. (2013). Hubungan Antara Tingkah laku Keibubapaan dengan Penghargaan Kendiri di kalangan Remaja. In *Encyclopedia of Human Development* (pp. 1–12). <https://doi.org/10.4135/9781412952484.n587>
- Zahn, F., Schäffer, A., & Fröning, H. (2018). Evaluating energy-saving strategies on torus, k-Ary n-Tree, and dragonfly. *Proceedings - 2018 IEEE 4th International Workshop on High-Performance Interconnection Networks in the Exascale and Big-Data Era, HiPINEB 2018, 2018-Janua*, 16–23. <https://doi.org/10.1109/HiPINEB.2018.00011>
- Zakeri, H., & Karimpour, M. (2011). Parenting styles and self-esteem. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 29, 758–761. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.11.302>